

01/05/1999

PM minta tingkat disiplin, etika kerja

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta pekerja di negara ini supaya lebih berdisiplin dan mengamalkan etika kerja yang baik bagi meningkatkan produktiviti serta menjaga kualiti.

Sambil menyifatkan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya, Perdana Menteri berkata pekerja juga perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam serta bersungguh-sungguh.

"Kita sedang bersaing hebat dengan negara lain dan kejayaan dalam persaingan ini bergantung kepada tingginya produktiviti kita.

"Jika kita gagal, maka kesannya akan dirasakan oleh kita semua termasuk golongan pekerja," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja esok, yang dikeluarkan di sini hari ini.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata jika produktiviti meningkat, kejayaan yang dicapai akan turut dinikmati bersama oleh rakyat negara ini.

Menurut Perdana Menteri, selain upah yang diperolehi daripada sumbangan kerja, balasan yang memuaskan ialah hasil kerja bermutu dan berharga.

Serentak itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada pekerja yang faham dengan masalah dihadapi dan tidak bertindak secara tidak bertanggungjawab sehingga boleh menyukarkan pemulihan ekonomi negara.

"Kita lihat bagaimana di negara yang mana pekerjaannya sering mengambil tindakan perusahaan dan menuntut upah yang tidak mampu dibayar majikan, keadaan dan masalahnya menjadi semakin buruk," katanya.

Menurut Dr Mahathir, walaupun tidak banyak tambahan upah diberi di Malaysia, kestabilan nilai ringgit dan kadar inflasi yang rendah menyebabkan sara hidup pekerja tidak banyak terjejas.

Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana kesatuan sekerja faham dengan fungsinya dan betul-betul memelihara kepentingan pekerja.

"Sebab itu ada kemakmuran perusahaan di Malaysia dan ini secara langsung menolong pemulihan ekonomi.

"Kemakmuran perusahaan juga menyakinkan pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita. Sekali lagi dengan pelaburan ini peluang pekerjaan akan bertambah," katanya.

Perdana Menteri berkata, Hari Pekerja bukanlah semata-mata untuk dirayakan, tetapi adalah masa bagi mereka dan kesatuan merenung masalah pekerja pada zaman globalisasi serta sikap pekerja dalam melindungi hak mereka.

Dr Mahathir berkata, pengangguran tidak sepatutnya berlaku di negara ini kerana peluang kerja baru lebih banyak daripada jumlah penganggur.

"Lagi pun kita masih mempunyai ramai pekerja asing kerana pekerja Malaysia terlalu memilih kerja.

"Pada waktu ekonomi merosot, kita patut sanggup membuat apa saja kerja walaupun upah tidak seperti pada masa mewah. InsyaAllah apabila ekonomi pulih kita akan dapat balik kerja dan upah yang baik," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan ingin melihat pendapatan pekerja bertambah sepanjang masa.

Menurutnya, pendapatan yang bertambah ini akan menolong membangunkan ekonomi negara kerana wang yang didapati tentu akan dibelanjakan.

"Tiap kali seorang belanja wang, ada saja orang lain yang mendapat keuntungan. Keuntungan ini pula akan dibelanja dan pihak lain pula, termasuk pekerja," katanya sambil menambah lebih kerap wang bertukar tangan, lebih baik ekonomi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa prihatin terhadap masalah yang

dihadapi pekerja dan sudah mengambil langkah untuk memastikan kepentingan pekerja terjamin dan pasaran pekerja terus mantap.

Menurutnya, antara usaha itu ialah mempergiatkan projek pembinaan dan prasarana.

(END)